



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 8/2016
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

CUTI SAKIT DISAHKAN SENDIRI

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa peraturan mengenai Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS) adalah seperti berikut:

2. Syarat Am

- 2.1 Tempoh CSDS adalah selama enam (6) hari dalam satu (1) tahun tempoh perkhidmatan dan ditolak daripada hak cuti tahunan atau cuti tanpa gaji jika tidak ada hak cuti.
- 2.2 CSDS juga tidak boleh diambil melebihi dua (2) hari berturut-turut termasuk cuti am, awam dan cuti khas, mengambilkira alasan-alasan seperti berikut:
 - i. Potongan CSDS daripada hak cuti tahunan akan dapat mengawal penyalahgunaan cuti tersebut;
 - ii. Terdapat beberapa penyakit ringan yang dapat dirawat sendiri dengan *over-the-counter-medications*; dan,
 - iii. CSDS akan mengurangkan kekerapan perjumpaan Pegawai Perubatan bagi rawatan penyakit-penyakit ringan yang dapat dirawat sendiri.

3. Definisi Cuti Sakit Disahkan Sendiri

- 3.1 CSDS ialah cuti sakit bagi penyakit ringan yang diambil sendiri tanpa memerlukan sijil cuti sakit daripada Pegawai Perubatan Kerajaan atau klinik-klinik swasta yang diiktiraf.

...../2



- 2 -

4. Definisi Penyakit Ringan


- 4.1 Tidak menyebabkan kesan perubahan yang berpanjangan; atau,
- 4.2 Mempunyai risiko yang rendah dalam menyebabkan komplikasi dan ketidakselesaan (*inconvenience*) kepada penghidapnya yang boleh menjejaskan pelaksanaan kerja dan juga keselamatan pegawai dan kakitangan tersebut; atau,
- 4.3 Simptom penyakit yang dijangka boleh sembuh dengan sendirinya dengan peraliran masa tanpa rawatan. Jika seseorang memerlukan rawatan, ianya adalah untuk memberikan kelegaan daripada kesan penyakit tersebut.
- 4.4 Senarai penyakit ringan adalah seperti di **LAMPIRAN A**, semata-mata sebagai garis panduan sahaja dalam permohonan pengambilan CSDS. Dalam erti kata lain ianya adalah tidak terhad kepada jenis penyakit dalam senarai.

5. Syarat-Syarat Kelayakan

- 5.1 Semua Pegawai dan Kakitangan warga perkhidmatan awam termasuk yang berjawatan tetap, sebulan ke sebulan, berkontrak, *open-vote* dan bergaji hari.

6. Peraturan-Peraturan

- 6.1 Jika CSDS telah habis digunakan iaitu selama enam (6) hari dalam satu (1) tahun tempoh perkhidmatan, sijil cuti sakit adalah diperlukan.
- 6.2 Jika CSDS diambil melebihi dua (2) hari berturut-turut, sijil cuti sakit bagi hari ketiga dan seterusnya adalah diperlukan.
- 6.3 Permohonan CSDS mesti dipohonkan semasa berada di dalam negeri sahaja.
- 6.4 Semasa CSDS, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan tidak dibenarkan keluar negeri.


...../3



- 3 -

- 6.5 Bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang berada diluar negeri dan jatuh sakit adalah tidak dibenarkan mengambil CSDS.
- 6.6 Laporan perubatan boleh dipohonkan daripada Kementerian Kesihatan sekiranya didapati keraguan atas pengambilan CSDS.

7. **Tatacara Permohonan**

- 7.1 Memaklumkan Ketua Jabatan/Bahagian/Unit melalui telefon dan pesanan ringkas (SMS) ataupun mana-mana aplikasi perhubungan seperti *Whatsapp* dalam tempoh 24 jam dalam hari yang sama semasa CSDS dipohonkan. Jika gagal, Pegawai dan Kakitangan berkenaan boleh dianggap tidak hadir bekerja tanpa kebenaran atau tanpa sebab.
- 7.2 Permohonan CSDS tidak boleh diwakilkan.
- 7.3 Mengisi borang permohonan CSDS melalui GEMS atau borang Jabatan sebaik-baik sahaja kembali bertugas.
- 7.4 Permohonan hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan/Bahagian/Unit sekiranya ianya sudah diberikan kebenaran melalui telefon dan SMS ataupun mana-mana aplikasi perhubungan.
- 7.5 CSDS hendaklah dicatat dalam penyata cuti.
- 7.6 Baki CSDS yang tidak digunakan tidak boleh dibawa ke tahun berikutnya.

8. **Lain-Lain Hal**

- 8.1 CSDS tidak menjejaskan Memorandum Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri Bil: JPM/0/22 Pt.1 bertarikh 10 Mac 1994.
- 8.2 Borang CSDS GEMS disediakan supaya permohonan cuti tersebut dapat dipohonkan dan potongan cuti tahunan dapat dikawal dengan rapi secara automatik.
- 8.3 Ketua Jabatan memainkan peranan dan dipertanggungjawabkan dalam memantau permohonan CSDS supaya ianya tidak disalahgunakan. Sekiranya didapati penyalahgunaan cuti tersebut, ianya boleh menjejaskan penilaian prestasi dan kenaikan pangkat Pegawai dan Kakitangan Kerajaan berkenaan.


...../4



- 4 -

8.4 Ketua Jabatan boleh memohon laporan perubahan dan pengesahan daripada Pegawai Perubahan pada bila-bila masa.

9. **Tarikh Kuatkuasa**

9.1 Surat Keliling ini mula berkuatkuasa pada **1hb September 2016**.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

“Perubahan Menjana Transformasi Perkhidmatan Awam”

[DATO PADUKA YAHYA BIN HAJI IDRIS]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (8)JPM/SK/2016
Tarikh : **3** Zulkaedah 1437
6 Ogos 2016

LAMPIRAN A : Senarai Penyakit Ringan

Antara penyakit-penyakit yang boleh dikategorikan sebagai penyakit ringan adalah seperti berikut:

Jenis Penyakit Ringan	Keterangan Penyakit (<i>Description</i>)
Batuk selsema (<i>Cough and Cold</i>)	Batuk selsema yang menyebabkan perasaan pening atau sakit kepala, batuk yang kerap dan rasa berat kepala.
Buasir (<i>Piles</i>)	Buasir yang boleh menyebabkan ketidakselesaan di bahagian dubur dan pendarahan yang sedikit.
Cirit birit (<i>Gastroenteritis</i>)	Cirit birit yang boleh menyebabkan rasa mual atau muntah-muntah, pening atau sakit kepala.
Demam alergi (<i>Hay fever</i>)	Alahan kepada debunga (<i>pollen</i>) yang boleh menyebabkan kepala terasa berat, mata berair, hidung gatal dan tersumbat.
Dugal (<i>Indigestion</i>)	Ketidak hadaman / dugal yang menyebabkan ketidakselesaan atau rasa sakit di bahagian atas perut.
Keputihan (<i>Vaginal thrush</i>)	Seriawan faraj/ keputihan pada faraj yang menyebabkan rasa gatal dan ketidakselesaan di bahagian sulit.
Sakit belakang (<i>Back pain</i>)	Sakit belakang yang menyebabkan terhadnya pergerakan badan.
Sakit Gigi (<i>Toothache</i>)	Sakit gigi yang tidak memerlukan untuk dicabut gigi.
Sakit Haid (<i>Period pain</i>)	Senggugut yang menyebabkan ketidakselesaan atau sakit pada bahagian bawah perut dan belakang.
Sakit kepala /migraine (<i>Headache/migraine</i>)	Sakit kepala yang boleh menyebabkan rasa mual/loya dan kesukaran untuk memberikan tumpuan kepada pekerjaan.
Sakit kerongkong (<i>Sore throat</i>)	Sakit tekak yang boleh menyebabkan ketidakselesaan pada bahagian kerongkong, rasa berat kepala.
Sembelit (<i>Constipation</i>)	Sembelit yang menyebabkan ketidakselesaan perut/sakit perut atau rasa kembung.
Silahkan bantal (<i>Torticolis/Neck strain</i>)	Sakit di bahagian leher disebabkan oleh kekejangan otot yang menyebabkan sakit apabila bergerak.